



KENYATAAN MEDIA BERSAMA



## **3 STESEN MRT DITUTUP SELAMA 2 HARI UNTUK KERJA-KERJA MIGRASI**

### ***Perkhidmatan bas perantara percuma menggantikan perkhidmatan tren***

**Kuala Lumpur, 23 Jun 2020:** Tiga stesen MRT Laluan Kajang (sebelum ini dikenali sebagai MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang) akan ditutup pada hari minggu 27 dan 28 Jun 2020 untuk kerja-kerja migrasi yang berkaitan dengan pemindahan sebahagian daripada laluan ke Laluan Putrajaya yang baharu (sebelum ini dikenali sebagai MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya).

Tiga stesen tersebut adalah Stesen MRT Sungai Buloh, Stesen MRT Kampung Selamat dan Stesen MRT Kwasa Damansara. Stesen KTM Sungai Buloh KTM dan juga kemudahan tempat letak kereta bersebelahan dengan stesen tidak terjejas oleh penutupan ini.

Dengan penutupan tiga stesen tersebut, tren MRT dari Kajang akan berakhir di Stesen MRT Kwasa Sentral. Sama seperti penutupan sebelum ini yang dijalankan pada tahun 2018 dan 2019, perkhidmatan gantian bas perantara percuma akan beroperasi di antara Stesen MRT Kwasa Sentral dan Stesen MRT Sungai Buloh, turut menyediakan perkhidmatan di Stesen MRT Kampung Selamat.

Bas perantara tidak akan berhenti di Stesen MRT Kwasa Damansara kerana tiada aktiviti komersial dan kawasan perumahan yang berdekatan dengan stesen. Tempat letak kereta di Stesen MRT Kwasa Damansara juga akan ditutup. Para pengguna yang biasanya meletakkan kereta di kemudahan tempat letak kereta di Stesen MRT Kwasa Damansara dinasihatkan untuk meletakkan kenderaan mereka sama ada di Stesen MRT Kwasa Sentral atau di Stesen



KENYATAAN MEDIA BERSAMA



MRT Sungai Buloh. Perkhidmatan bas perantara dari Stesen MRT Sungai Buloh dan Stesen MRT Kampung Selamat akan beroperasi seperti biasa.

Ketua Pegawai Operasi Rapid Rail Sdn Bhd MRT Laluan Kajang Tuan Haji Azmi Mohd Zain berkata bahawa kakitangan disediakan untuk membantu para pengguna. Kain rentang dan sepanduk telah dipasang dan pengumuman telah dilakukan untuk memberitahu para pengguna berkenaan penutupan tersebut dan perkhidmatan gantian bas perantara percuma.

“Perkhidmatan bas perantara percuma semasa penutupan sebelum ini beroperasi dengan lancar. Kami berharap perkara ini dapat diulang semasa penutupan seterusnya,” kata beliau, sambil menambah bahawa perkhidmatan bas perantara percuma akan beroperasi berpandukan frekuensi tren pada hari minggu iaitu di antara 7 minit dan 15 minit.

Pengarah Projek Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) Dato’ Amiruddin Ma’aris berkata bahawa terdapat banyak kerja-kerja perancangan dan persediaan yang telah dijalankan sebelum penutupan ini untuk memastikan bahawa kesemua kerja-kerja dapat disiapkan seperti yang dijadualkan dan membolehkan perkhidmatan tren bermula tepat pada masanya pada pagi Isnin.

Beliau berkata bahawa penutupan kali ini adalah untuk kerja-kerja tren elektrik dan penguasaan kuasa MRT Laluan Putrajaya dan juga pengujian pelbagai sistem komunikasi yang penting untuk pengoperasian laluan baharu ini.

“Kami memohon maaf di atas kesulitan para pengguna tren dan berharap mereka dapat memahami bahawa kerja-kerja yang dilakukan adalah untuk menambahbaik dan mengembangkan jaringan pengangkutan awam berasaskan tren di Lembah Klang,” kata beliau, dan menambah bahawa akan ada penutupan tambahan di antara bulan Ogos dan Oktober.



KENYATAAN MEDIA BERSAMA



Amiruddin turut menambah bahawa nama kedua-dua Laluan MRT secara rasminya akan dikenali sebagai MRT Laluan Kajang menggantikan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang, dan MRT Laluan Putrajaya menggantikan MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya.

“Perubahan nama ini adalah untuk menyelaraskan kedua-dua laluan ini dengan nama laluan-laluan tren sedia ada di Lembah Klang, di mana hanya satu berbanding pelbagai nama yang digunakan. Sebagai contoh, LRT Laluan Kelana Jaya dan LRT Laluan Ampang,” kata beliau, dan menambah bahawa Agensi Pengangkutan Awam Darat telah mengesahkan perubahan nama tersebut.

Beliau menambah bahawa satu lagi penyebab perubahan nama ini adalah kerana dengan perubahan tiga buah stesen tersebut, Stesen MRT Sungai Buloh bukan lagi sebahagian daripada MRT Laluan Kajang, menjadikan nama yang digunakan sebelum ini tidak lagi relevan.

Beliau berkata bahawa penghujung utara untuk kedua-dua MRT Laluan Kajang dan MRT Laluan Putrajaya Line adalah Stesen MRT Kwasa Damansara di mana para pengguna boleh bertukar dari satu laluan ke laluan yang lain dengan hanya berjalan kaki melintasi platform bertingkat.

Rapid Rail Sdn Bhd, subsidiari Prasarana Malaysia Bhd, merupakan pengendali MRT Laluan Kajang sementara MRT Corp adalah pemilik aset MRT Laluan Kajang dan juga pemilik dan pemaju projek MRT Laluan Putrajaya, laluan kedua Projek MRT Lembah Klang.

Kemajuan terkini pembinaan MRT Laluan Putrajaya adalah 74%. Fasa Satu laluan di antara Stesen MRT Kwasa Damansara dan Stesen MRT Kampung Batu dijangka beroperasi pada pertengahan 2021, sementara keseluruhan laluan dijangka dibuka untuk Fasa Kedua pengoperasian bulan Januari 2023.

-tamat/-



KENYATAAN MEDIA BERSAMA



*Sebarang pertanyaan media, sila hubungi*

***Encik Leong Shen-Li (MRT Corp)***

***012-3196602/leong.shen-li@mymrt.com.my***

***Cik Amalina Ghazali (MRT Corp)***

***016-2154055/amalina.ghazali@mymrt.com.my***